

03

Berinteraksi dengan Teks Melalui Kaedah 'PAS'

Zaimah Mohd Ali

zaimah_mohd_ali@moe.edu.sg

Suryadi Mohd Bajuri

Sekolah Menengah Naval Base
suryadi_mohd_bajuri@moe.edu.sg

Abstrak

Kesukaran memahami teks bagi menjawab soalan kefahaman merupakan masalah yang dihadapi oleh para murid darjah 6 di Sekolah Rendah Bedok Green. Satu kajian telah dijalankan bagi mengatasi masalah ini. Metodologi kajian ini menggunakan strategi *Anticipation Guides* dan *Probable Passage* kerana strategi-strategi ini mampu membantu murid berinteraksi dengan teks kefahaman sebelum menjawab soalan-soalan yang diutarakan. Murid-murid juga dijangkakan dapat menggunakan maklumat yang dicungkil untuk meringkaskan teks. Langkah-langkah ini dikenali sebagai Kaedah 'PAS' atau *probable passage*, *anticipation guide* dan *summarisation*. Dapatan perbandingan data-data kajian ini yang berbentuk kuantitatif dari praujian dan pascaujian menunjukkan keberkesanan langkah-langkah PAS. Dapatan data kualitatif pula menunjukkan bahawa murid-murid lebih berkeyakinan untuk menjawab soalan kefahaman subjektif berbentuk inferens, analisis dan sintesis dengan lebih tuntas. Murid-murid juga telah menunjukkan keyakinan dalam menjawab soalan-soalan kefahaman peringkat tinggi setelah melalui proses PAS.

Kata kunci

PAS, *probable passage*, *anticipation guide*, *summarisation*

PENGENALAN

Membaca merupakan satu kemahiran asas yang penting dalam mempelajari sesuatu perkara baharu atau merungkai sesuatu permasalahan. Tanpa bacaan, seseorang itu tidak akan mendapat sesuatu maklumat dan keadaan ini boleh menyebabkan seseorang itu tertinggal untuk mendapatkan sebarang manfaat. Menurut Yahya (2005), tujuan membaca adalah bagi memahami teks yang dibaca supaya kandungan teks yang dibaca memberi makna kepada pembacanya. Keupayaan membaca merupakan satu kemahiran yang penting. Keupayaan membaca perlu ada pada setiap individu kerana keupayaan kognitif mereka secara tidak langsung akan diaktifkan dan dapat memproses sesuatu perkara yang baharu semasa membaca.

Membaca secara mekanis pula diungkapkan sebagai keupayaan seseorang untuk mengecam bentuk visual dan menghubungkan antara bentuk tersebut dengan bunyi. Sekaligus, ini memberi peluang bagi pembaca mentafsirkan maksud perkataan yang dibacanya yang boleh didefinisikan sebagai membaca untuk mendapatkan maklumat atau bacaan akaliah seperti yang didefinisikan oleh Raminah Hj Sabran dan Rahim Syam (1995). Kefahaman membaca bergantung kepada gabungan dari segi pengetahuan bahasa dan keupayaan kognitif.

PERNYATAAN MASALAH

Di akhir peringkat darjah enam, murid-murid seharusnya dapat membaca teks seperti cerpen, novel, karangan dan puisi (pantun, syair dan sajak) dengan jelas dan betul bagi tujuan pemahaman dan memberikan respons yang sesuai (Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu 2008). Hasil pembelajaran ini dikhususkan lagi:

1. Membaca dan memahami maklumat yang terdapat dalam pelbagai teks.
2. Membaca dan merujuk pelbagai sumber (bahan cetak dan bukan cetak) untuk mendapatkan maklumat.
3. Membaca dan mengenal pasti isi utama dan isi sampingan daripada teks.

Namun, ramai murid darjah enam merungut kerana mereka tidak faham kandungan teks yang dibaca dan hal ini menyukarkan mereka untuk menjawab soalan-soalan kefahaman subjektif terutama soalan berbentuk inferens, sintesis dan aplikasi. Dari itu, dalam jangka masa panjang, nampaknya murid-murid kita

belum lagi dapat mencapai hasil pembelajaran yang diharapkan seperti yang termaktub di dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu 2008.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meningkatkan peratusan kelulusan dalam pencapaian peperiksaan Bahasa Melayu melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang kreatif dan menyeronokkan melalui Kaedah PAS; dan
2. mempersiapkan murid dengan keupayaan menjawab semua soalan kefahaman dengan yakin .

Kajian ini juga bertujuan cuba menjawab persoalan-persoalan kajian seperti:

1. Adakah peningkatan peratusan kelulusan dapat dicapai melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang kreatif dan menyeronokkan? dan
2. Adakah kaedah PAS dapat mempersiapkan murid dengan keupayaan menyelesaikan semua soalan dengan yakin?

KAJIAN LITERATUR

Menurut Yahya (2005), membaca juga memerlukan ketajaman akal fikiran terutama dalam menterjemahkan kandungan teks dengan realiti alam yang dilalui oleh pembaca. Dr Abbas (2006) pula menekankan bahawa pembaca yang cekap merupakan pembaca yang strategik, bebas dan anjal. Yahya (2005) juga mengupas konsep metakognisi dalam kemahiran membaca sebagai pemprosesan maklumat. Justeru itu, untuk melahirkan pembaca yang aktif, pembaca harus memahami proses membaca.

Contohnya, Juriah Long, Raminah Hj Sabran dan Sofia Hamid (1990) mengemukakan beberapa langkah di bawah subtajuk mereka: 'Pendekatan Membaca Sebagai Proses Berfikir' yang mana mereka mengemukakan enam langkah bagi proses semasa membaca. Langkah-langkah ini ialah:

1. Mengetahui isi-isi penting;
2. Menentukan bagaimanakah idea-idea penting dibina;
3. Mengetahui pola pemikiran penulis;
4. Menghubungkan idea-idea;
5. Meramal apa yang berlaku; dan
6. Menghubungkan idea-idea penulis dengan apa yang diketahui.

Dr Abbas (2006) juga membentangkan beberapa model. Model yang menarik perhatian ialah 'Model Membaca Interaktif'. Dengan menggunakan model ini, para pembaca dapat membentuk makna daripada bahan bacaan dengan lebih interaktif. Apa yang dapat disimpulkan daripada penelitian kajian lepas ini ialah dalam proses membaca, ada beberapa teknik mengajar kefahaman agar pembaca dapat memahami apa yang dibacanya.

Sejajar dengan penelitian terhadap kajian-kajian lepas ini, penelitian beberapa kajian lepas tentang strategi pramembaca sebelum melakarkan strategi yang sesuai untuk pengajaran kefahaman. Justeru itu, strategi pramembaca merupakan satu langkah penting yang harus dijalankan dan tidak boleh diabaikan.

KAEDAH KAJIAN

Dalam membantu murid mencapai kemahiran membaca seperti yang dinyatakan dalam tujuan kajian, pengkaji telah melakarkan beberapa strategi yang dirangkum sebagai Kaedah PAS. Huruf P untuk strategi *Probable Passage*, huruf A untuk strategi *Anticipation Guides* dan huruf S untuk strategi *Summarisation*.

Probable Passage merupakan satu strategi yang digunakan sebagai satu aktiviti pramembaca yang mengenalkan murid kepada kosa kata baharu yang akan diajar kepada mereka dan strategi ini dapat menggalak murid untuk terus meneroka kandungan teks tersebut. Strategi ini juga akan mencungkil semangat ingin tahu dalam kalangan murid. Pasukan pengkaji telah menyediakan templat bagi membantu murid membuat ramalan. Setelah menggunakan templat 1 untuk dua latihan, pasukan pengkaji telah mengubah sedikit templat tersebut dengan mengubah 'perkataan yang tidak saya ketahui' kepada sikap' dan 'untuk saya teroka' kepada 'pengajaran' untuk memudahkan murid menjawab jenis soalan sinteseis. Sila rujuk Lampiran 1 untuk contoh-contoh templat-templat ini.

Anticipation Guides pula merupakan satu strategi yang mampu membantu murid meramal, menjangka dan mengesahkan apa yang berlaku selanjutnya dalam teks tersebut. Melalui strategi-strategi ini, murid akan dapat mengaitkan maklumat yang diperoleh dengan pengetahuan sedia ada mereka bagi memahami keseluruhan teks ini.

Bagi mengukuhkan pemahaman murid terhadap teks, murid diajar strategi meringkaskan teks yang termasuk strategi mengariskan kata kekunci dan strategi peta minda. Pasukan pengkaji memilih untuk mengajar pelbagai strategi mengikut kebolehan murid. Strategi-strategi ini membantu murid memilih maklumat yang

penting dan mengintegrasikan butiran dalam teks dengan berkesan. Strategi-strategi ini boleh membantu murid mengingat apa yang telah mereka baca. Strategi-strategi ini juga boleh digunakan untuk kebanyakan jenis teks. Penggunaan strategi anticipation guides, probable passage dan strategi meringkaskan teks boleh membantu murid untuk berinteraksi dengan teks kefahaman tersebut sebelum mereka menjawab soalan yang disediakan. Interaksi sebegini amat penting supaya murid benar-benar memahami teks sebelum mereka cuba menjawab soalan-soalan yang disediakan.

SUBJEK KAJIAN

Pelaksanaan kajian Kaedah PAS ini melibatkan tiga kelas murid darjah enam di Sekolah Rendah Bedok Green. Murid-murid disalurkan ke kelas-kelas ini berdasarkan tahap pencapaian Bahasa Melayu SA2 mereka pada tahun sebelumnya.

INSTRUMEN KAJIAN

Dalam melaksanakan kajian ini, instrumen yang digunakan merangkumi templat-templat dan strategi-strategi pencelahan bagi mencapai matlamat kajian. Data yang telah dikumpul akan dianalisis berdasarkan kepada dua jenis iaitu kualitatif melalui pemerhatian yang dijalankan dan kuantitatif melalui data yang diperolehi daripada ujian praujian dan pascaujian.

PROSEDUR KAJIAN

Kajian ini terbahagi kepada tiga fasa iaitu, fasa ujian prakajian, fasa pemerhatian dan fasa ujian pascakajian

FASA UJIAN PRAKAJIAN

Kajian ini dimulakan dengan menjalankan praujian. Dalam menjalankan praujian, guru mengajar murid strategi yang dilabelkan sebagai strategi tradisional. Set praujian diberikan kepada kumpulan sasaran pada awal kajian untuk mengenal pasti tahap penguasaan murid terhadap kemahiran membaca bagi mendapatkan maklumat. Selepas praujian dijalankan, kaedah PAS untuk mengajar topik kefahaman kepada murid. Secara tidak langsung, kelemahan kemahiran tersebut dalam kalangan murid dapat dikesan. Item dalam praujian

terdiri daripada lima soalan yang berkaitan dengan pemahaman teks bacaan dan empat soalan semantik. Pemarkahan bagi isi dan bahasa dibezakan. Hanya mengambil markah bagi isi sahaja yg diambil kira.

FASA PEMERHATIAN

Pemerhatian ke atas tingkah laku kumpulan sasaran semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan, iaitu sebelum dan selepas kajian. Sebelum kajian dijalankan, murid kurang memberi perhatian kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang sedang berlangsung. Keadaan berubah setelah kajian dilaksanakan dalam kalangan murid, iaitu murid lebih berminat, lebih yakin dan berusaha menjawab soalan kefahaman yang diberikan oleh guru. Segala hasil pemerhatian daripada sesi ini telah dicatatkan.

FASA UJIAN PASCAKAJIAN

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Setelah data-data dianalisis, hasil kajian adalah seperti berikut:


DAPATAN PEMERHATIAN

Berdasarkan pemerhatian selepas ujian pasca dijalankan, Didapati murid lebih memahami petikan dan menjawab soalan kefahaman termasuk soalan inferens, analisis dan sintesis dengan agak baik. Suasana pembelajaran dalam kelas lebih bermakna dan semua murid kelihatan lebih memberi tumpuan dan mengambil bahagian secara aktif semasa pengajaran sedang dijalankan.

DAPATAN PRAUJIAN

Setelah dianalisis keputusan praujian, hampir kesemua murid gagal menguasai kemahiran menjawab soalan kefahaman. Contohnya, dari Kelas A, dapatan daripada praujian menunjukkan hanya seramai 17 orang murid (55%) mendapat 5 markah ke bawah, 14 orang murid (45%) mendapat sebanyak 6 markah ke atas. Semua murid dari Kelas B dan C gagal. Sila lihat Rajah 1 untuk markah Ujian Pra Kelas A, B dan C

Rajah 1: Markah Ujian Kelas A, B dan C




Hasil praujian ini menunjukkan bahawa tindakan segera perlu diambil bagi membantu murid-murid meningkatkan penguasaan membaca untuk mendapatkan maklumat. Oleh itu, Kaedah PAS digunakan untuk mengatasi masalah ini.

DAPATAN PASCAUJIAN


Selepas murid diajar Kaedah PAS, mereka mengaplikasi kaedah ini dalam menjawab soalan kefahaman dalam pascaujian. Dapatan pascaujian daripada kelas A menunjukkan bahawa seramai 10 orang murid (34%) mendapat 5 markah ke bawah, 20 orang murid (66%) mendapat markah sebanyak 6 markah ke atas. Rajah 1 menunjukkan taburan markah untuk pascaujian bagi ketiga-tiga kelas.

Rajah 2: Markah Ujian Pasca Kelas A, B dan C



Dapatan ini menunjukkan terdapat peningkatan dalam pemahaman bacaan teks dan menjawab soalan kefahaman. Rajah 2 menunjukkan taburan perbandingan markah praujian, SA1 dan Ujian Pasca bagi ketiga-tiga kelas

Rajah 3: Taburan Perbandingan Markah Ujian Pra, SA1 dan Ujian Pasca



PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan dari kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa tujuan kajian ini dijalankan telah tercapai. Begitu juga dengan persoalan-persoalan kajian yang ini dijawab. Penggunaan Kaedah PAS telah terbukti dapat meningkatkan penguasaan murid terhadap pemahaman bacaan untuk mendapatkan maklumat. Hal ini dapat dikukuhkan dan dibuktikan lagi dengan perbandingan keputusan praujian dan pascaujian yang telah dijalankan dalam kumpulan sasaran. Data perbandingan menunjukkan peningkatan yang baik dan memuaskan. Di samping itu, hasil dapatan kajian bukan sahaja menunjukkan bahawa Kaedah PAS telah membantu para murid meningkatkan tahap kefahaman tetapi mereka juga lebih berkeyakinan. Di samping itu suasana pengajaran dan pembelajaran lebih ceria dan bersemangat. Tambahan pula, para murid juga memberi respons yang memuaskan kepada guru dan secara tidak langsung dapat meningkatkan keyakinan guru.

Hasil kajian juga mendapati bahawa kaedah ini dapat membantu murid-murid menambah perbendaharaan kata mereka. Penambahan perbendaharaan kata boleh juga membantu para murid dalam bidang-bidang lain terutamanya dalam penulisan karangan. Kaedah latih tubi yang melibatkan bacaan mekanis juga dapat membantu murid-murid menguasai kemahiran membaca mekanis dan ini sekali gus dapat membantu murid-murid melancarkan bacaan mereka. Pengkaji juga percaya bahawa penguasaan kemahiran membaca yang baik dapat menjadikan aktiviti membaca sebagai suatu aktiviti yang amat menarik.

KESIMPULAN

Kelemahan murid menguasai kemahiran membaca boleh menjejaskan potensi dan motivasi dalam menguasai pelbagai kemahiran lain dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dalam usaha memantapkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dewasa ini warga pendidik Bahasa Melayu harus peka dengan perkembangan kajian berkaitan pengajaran Bahasa Melayu. Ini amat bertepatan dengan saranan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda 2010 yang mahukan sistem pendidikan negara kita terus maju seiring dengan kemajuan negara berimpak tinggi.

Selain itu, faktor guru yang berketerampilan dan berkeupayaan menyerap kaedah, teknik dan strategi pengajaran semasa serta menstrukturkan tahap pembelajaran supaya menjadi satu set binaan pengajaran dan pembelajaran yang kreatif dan inovatif yang dapat memberikan kesan positif dan bermakna. Faktor

ini sememangnya dapat membina pembelajaran yang menggalakkan hala tuju pengajaran yang hendak dicapai oleh guru.

Pasukan pengkaji juga menyarankan beberapa cadangan sebagai langkah lanjutan kajian ini. Beberapa cadangan perlu difikirkan untuk meningkatkan prestasi pengajaran dan potensi pembelajaran murid untuk meningkatkan pemahaman bacaan murid-murid darjah enam.

Cadangan yang diutarakan antaranya adalah penerapan pengajaran asas iaitu berinteraksi dengan teks dengan menggunakan strategi *anticipation guide* dan *probable passage* sebelum murid-murid membaca untuk mendapatkan maklumat seharusnya diberikan penekanan yang serius agar murid-murid dapat menguasai kemahiran menjawab soalan kefahaman dengan baik. Pengajaran Bahasa Melayu seharusnya disampaikan dalam pendekatan yang lebih menarik dengan kepelbagaian bahan pembelajaran seperti penggunaan bahan ICT atau klip video. Ini diharapkan mampu memperkembang lagi keupayaan kemahiran bahasa Melayu murid.

Kepelbagaian kaedah yang digunakan oleh guru bahasa dapat menceriakan murid supaya mereka tidak cepat bosan semasa proses pembelajaran berlaku di dalam bilik darjah.

Selain itu, Kaedah PAS ini juga boleh digunakan oleh kelas-kelas yang lain di peringkat lebih rendah untuk meningkatkan pemahaman bacaan dan sekaligus dapat membantu murid-murid menjawab soalan kefahaman dengan baik

Nota:

Guru-guru berikut turut terlibat dalam kajian yang dijalankan:

1. Dewi Nurazlin Aziz
2. Zahidah Shamsul

RUJUKAN

- Abbas Bin Mohd Shariff, Ph.D. (2006). Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa, Singapura: Alfa Media.
- Azizah Shaik Abdul Kadir, Nurisham Ismail, Rasidah Ahmad, Taufek Siniwi. (2012). Strategi CPA dalam Pengajaran Kefahaman dalam Kecekapan Berbahasa dan Penghayatan Nilai dalam Pendidikan Abad ke-21: Seminar Bahasa Melayu 2012: Pusat Bahasa Melayu Singapura dan Unit Bahasa Melayu Kementerian Pendidikan Singapura.
- Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu 2008 Darjah 5 dan 6 Mekar (Singapore: CPDD,MOE 2007).
- Juriah Long, Raminah Hj Sabran dan Sofia Hamid. (1990). Perkaedahan Pengajaran Bahasa Malaysia. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Kamarudin Hj. Husin. (1998) Pedagogi Bahasa Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Raminah Hj Sabran dan Rahim Syam. (1985). Kaedahan Pengajaran Bahasa Malaysia. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Yahya Othman. (2005). Trend dalam pengajaran Bahasa Melayu. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

SUMBER ELEKTRONIK:

Kei Mihara. (2011) Effects of Pre-Reading Strategies on EFL/ESL Reading Comprehension TESL Canada Journal, Volume 28, Issue 2, 2011

http://www.readingrockets.org/strategies/anticipation_guide

2013 ML Department PLC

Probable Passage

TEMPLATE 1

watak / ciri-ciri watak	Latar	konflik / masalah
penyelesaian	perkataan yang tidak diketahui maknanya	untuk saya teroka

2013 ML Department PLC

Probable Passage

TEMPLATE 2

watak / ciri-ciri watak	latar	konflik / masalah
penyelesaian	sikap/sifat	pengajaran